# STRATEGI PELAKSANAAN
# PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN

**NAMA PUSAT : DRAMATIC PLAY**
**FUNGSI : MAIN PERANAN**
**TAJUK : KOMUNIKASI DI STESEN ANGKASA ANTARABANGSA**

| BIL | PERKARA | CATATAN | |
|---|---|---|---|
| 1 | **STANDARD KANDUNGAN** | KD 2.3 | Membina keyakinan untuk berkomunikasi. |
| 2 | **STANDARD PEMBELAJARAN** | KD 2.3.1 | Bertutur dengan yakin. |
| | | KD 2.3.5 | Menunjukkan kebolehan sendiri melalui pelbagai kaedah komunikasi. |
| 3 | **STREAM** | **S** | Meneroka satelit yang boleh menghubungkan manusia dengan pusat kawalan bumi. |
| | | **T** | Simulator, Smart TV, ISS |
| | | **R** | Mengamalkan sikap berhemah tinggi semasa melakukan aktiviti |
| | | **E** | Mengenal pasti alat yang boleh menghubungkan antara satu sama lain |
| | | **A** | Menggunakan alat komunikasi dari pelbagai media. |
| | | **M** | Proses mengaitkan dua benda menggunakan ciri tertentu sebagai asas. |

| | | |
|---|---|---|
| 4 | **OBJEKTIF** | Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat:<br>● Berkomunikasi sesama rakan dengan menggunakan pelbagai kaedah alat komunikasi. |
| 5 | **BBM** | Pakaian angkasawan, crew, pegawai pusat kawalan. |
| 6 | **NILAI MURNI** | Kanak-kanak berkerjasama dan berkongsi idea semasa melakukan aktiviti. |
| 7 | **STRATEGI PELAKSANAAN**<br><br>1. Kanak-kanak berada di dalam ruang simulator.<br>2. Kanak-kanak mendengar penerangan berkaitan dengan cara berkomunikasi diantara stesen pusat kawalan di bumi dengan stesen angkasa antarabangsa.<br>3. Kanak-kanak dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan Stesen Bumi, dan kumpulan Space X.<br>4. Setiap kumpulan diberikan watak seperti **“Pengendali pusat kawalan”** kepada kumpulan Stesen Bumi. Dan kumpulan Space X sebagai **“Angkasawan”.**<br>5. Kanak-kanak melihat demonstrasi tentang cara penggunaan alat komunikasi di antara simulator stesen dan stesen angkasa antarabangsa oleh guru.<br>6. Kemudian, kanak-kanak kumpulan **Stesen Bumi** dan kumpulan **Space X** mengambil tempat yang telah diberikan oleh guru tadi.<br>7. Kanak-kanak melakonkan cara berkomunikasi di antara mereka.<br><br>Contoh Dialog:<br><br>**Crew Ani** : Hello Kapten Ali, bagaimana keadaan di sana?<br>**Kapten Tan**: Kami dalam keadaan baik dan terkawal.<br>: Tapi hairannya, kami di sini terapung.<br>**Crew Bobo** : Apa hairannya, di sana tiada graviti sebab | |

| | |
|---|---|
| | itu terapung.<br>: Tanpa graviti semua benda akan terapung seperti makanan, minuman dan semuanya.<br><br>8. Kanak-kanak membuat kesimpulan terhadap aktiviti lakonan yang dilakukan sebentar tadi.<br><br>9. Kanak-kanak menceritakan semula pengalaman semasa melakonkan aktiviti tersebut.<br><br>***Nota:***<br><br>** guru boleh menyediakan BBM berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian*<br><br>** langkah-langkah keselamatan kanak-kanak perlu berhati-hati menggunakan peralatan di bilik dramatic play* |